

KENYATAAN AKHBAR

1. Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Pimpinan Tertinggi, sejumlah 189 Bahagian Bersatu di seluruh negara dijadualkan mengadakan persidangan bahagian masing-masing serentak pada 18 April 2020. Sempena persidangan bahagian-bahagian ini, para perwakilan hendaklah memilih kepimpinan parti di peringkat nasional, iaitu ahli jawatankuasa Majlis Pimpinan Tertinggi bagi penggal 2019 – 2022.

2. Jawatan-jawatan yang dipertandingkan ialah:
 - Pengerusi Tetap
 - Timbalan Pengerusi Tetap
 - Pengerusi
 - Presiden
 - Timbalan Presiden
 - Naib Presiden (tiga orang)
 - Ahli Jawatankuasa (dua puluh orang)

3. Persidangan Armada dan Srikandi Bahagian pula masing-masing dijadualkan berlangsung pada 11 April 2020. Para perwakilan di Persidangan Srikandi dan Armada Bahagian hendaklah memilih kepimpinan masing-masing di peringkat nasional, iaitu Ahli Jawatankuasa Srikandi Malaysia dan Ahli Jawatankuasa Armada Malaysia. Jawatan-jawatan yang dipertandingkan ialah:
 - Pengerusi Tetap
 - Timbalan Pengerusi Tetap
 - Ketua
 - Naib Ketua
 - Ahli Jawatankuasa (Limabelas orang)

4. Sejalan dengan Perlembagaan dan Peraturan Persidangan Parti, Jawatankuasa Pemilihan Parti akan mengadakan Pendaftaran Pencalonan untuk pertandingan bagi jawatan-jawatan di peringkat Majlis Pimpinan Tertinggi, Jawatankuasa Srikandi Malaysia dan Jawatankuasa Armada Malaysia. Pendaftaran Pencalonan ini akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 16 Mac 2020 (Isnin)
Masa : 10.00 pagi hingga 3.00 petang
Tempat : Tingkat 9, Ibu pejabat PPBM, Menara Yayasan Selangor, Jalan Persiaran Barat, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Borang-borang pencalonan boleh dimuatturun mulai hari ini di laman sesawang rasmi Parti di www.pribumibersatu.org.my atau diperolehi daripada petugas Jawatankuasa Pemilihan Parti di Ibu pejabat Parti.

5. Setelah JPP menyaring borang-borang pencalonan dan bakal-bakal calon disahkan untuk bertanding, cabutan nombor calon akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 23 Mac 2020
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Tingkat 9, Ibu pejabat PPBM, Menara Yayasan Selangor, Jalan Persiaran Barat, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Calon atau wakil yang tidak hadir, nombornya akan dicabut oleh JPP. Nombor calon yang telah dicabut adalah muktamad.

TAN SRI SYED HAMID JAAFAR ALBAR

PENGERUSI

JAWATANKUASA PEMILIHAN PARTI

KUALA LUMPUR

11 MAC 2020